

**UPM Juara Hoki Piala MASUM**

Penyerang hoki UPM (berbaju oren) ketika menggasak pemain hoki UiTM pada perlawanan akhir Kejohaan Hoki Piala MASUM 2009 lepas.

**SERDANG, 16 Ogos** - Universiti Putra Malaysia (UPM) mempertahankan kejuaraan Hoki Piala MASUM 2009 dengan menewaskan Universiti Teknologi Mara (UiTM) 2-1 pada peringkat akhir.

UiTM walaupun diberisi pemain-pemain kebangsaan kalah tipis dengan jaringan pemain UPM, Mohd Razali Mohd Zulkipli menerusi pukulan sudut penalti pada pertandingan yang berlangsung di Ipoh, Perak dari 13-16 Ogos baru-baru ini.

Pasukan hoki UPM menerima hadiah wang tunai RM3000 dan tambahan RM2000 selaku Juara Hoki Piala MASUM 2009 sementara pemain UPM, Muhammad Herman Pami dinobatkan sebagai Pemain Terbaik perlawanan akhir Hoki Piala MASUM 2009.

UPM menewaskan Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM) 8-2 pada peringkat suku akhir dan Universiti Sains Malaysia (USM) 9-0 pada peringkat separuh akhir daripada 8 pasukan institusi pengajian tinggi awam yang menyertai kejohanan itu.

Terdahulu, pasukan hoki UPM telah dinobatkan sebagai juara Liga Hoki MASUM 2009 yang telah berlangsung pada bulan Februari hingga April 2009 lalu.

**Berita asal oleh Wan Zaharuddin Wan Abdullah dan disunting oleh Seksyen Media.**